



## NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI ADALAH DIBERITAHU BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") KPJ Healthcare Berhad ("Syarikat" atau "KPJ") kali ke Enam Belas (16) akan diadakan di Bilik Tanjung Puteri 303, Level 3, Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Jalan Abdullah Ibrahim, 80000 Johor Bahru, Johor pada hari Rabu 20 Mei, 2009 jam 12.30 petang bagi tujuan-tujuan berikut:

### AGENDA

#### Urusan Biasa

- Menerima dan menimbangakan Akaun Beraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 berserta Laporan Pengarah-Pengarah dan Juruaudit. **(Resolusi 1)**
- Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 96 Tataurusan Syarikat: **(Resolusi 2)**
  - Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir (Artikel 96) **(Resolusi 3)**
  - Zainah Binti Mustafa (Artikel 96) **(Resolusi 4)**
  - Hj Rozan Bin Mohd Sa'at (Artikel 97)
- Untuk menimbangakan, dan sekiranya wajar, meluluskan resolusi berikut menurut Seksyen 129 (6) Akta Syarikat 1965:-  
"Bahawa Tan Sri Datuk Arshad Bin Ayub, yang berusia melebihi tujuh puluh (70) tahun, adalah dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat sehingga MAT Syarikat yang akan datang." **(Resolusi 5)**
- Untuk meluluskan bayaran yuran Pengarah untuk tahun berakhir 31 Disember 2008. **(Resolusi 6)**
- Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit dan memberi kuasa kepada Pengarah untuk menetapkan bayaran mereka. **(Resolusi 7)**

#### Sebagai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya di dapati wajar, meluluskan resolusi-resolusi berikut:

#### 6. RESOLUSI BIASA 1

##### KUASA UNTUK MENERBITKAN SAHAM SELARAS DENGAN PERUNTUKAN SEKSYEN 132D AKTA SYARIKAT, 1965

"BAHAWA selaras dengan Seksyen 132D Akta Syarikat 1965 ("Akta"), para Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk menerbitkan dan memperuntukkan saham-saham Syarikat, pada bila-bila masa dan menunaikan syarat-syarat dan peraturan dan untuk tujuan sedemikian yang dibolehkan oleh para Pengarah, dengan penuh budi bicaranya yang difikirkan sesuai, dengan syarat bahawa jumlah saham-saham yang diterbitkan mengikut resolusi ini pada mana-mana tahun kewangan tidak melebihi 10 peratus daripada modal terbitan Syarikat buat masa ini dan bahawa para Pengarah juga diberi kuasa untuk mendapatkan kelulusan untuk penyenaian dan sebhutarga bagi saham-saham tambahan yang akan diterbitkan di Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") dan bahawa kelulusan sedemikian akan terus berkuatkuasa sehingga berakhirnya MAT Syarikat yang berikutnya, tertakluk kepada Akta, Tataurusan Syarikat dan kelulusan pihak-pihak berkaitan telahpun diperolehi bagi penerbitan dan peruntukkan tersebut". (Lihat Nota f) **(Resolusi 8)**

#### 7. RESOLUSI BIASA 2

##### CADANGAN PENGAGIHAN MELALUI 'DIVIDEND-IN-SPECIE' BAGI PELABURAN SEHINGGA 48,992,442 UNIT DI DALAM AL-'AQAR KPJ REIT ("AL-'AQAR") YANG DIPEGANG OLEH KPJ DAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARI KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM KPJ PADA KADAR DUA PULUH TIGA (23) UNIT DI DALAM AL-'AQAR BAGI SETIAP SERATUS (100) UNIT SAHAM BIASA BERNILAI TARA RM1.00 SESAHAM YANG DIPEGANG DI DALAM KPJ (CADANGAN PENGAGIHAN)

"BAHAWA kelulusan adalah dengan ini diberikan kepada KPJ untuk menjalankan dan melaksanakan Cadangan Pengagihan, DAN BAHAWA Lembaga Pengarah Syarikat dengan ini diberikuasa untuk mengambil langkah-langkah tersebut, melaksanakan dokumen – dokumen yang berkaitan dan mengadakan sebarang perikatan, perjanjian dan/atau akujanji, yang difikirkan perlu, bermanfaat dan/atau bersesuaian bagi tujuan melaksanakan, memuktamadkan dan/atau memberi kesan ke atas Cadangan Pengagihan dengan kuasa sepenuhnya untuk bertujuju ke atas sebarang terma, syarat, pindaan, perubahan dan/atau pertukaran sebagai mana yang dipersetujui dengan/ diperlukan oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan akibat dari keperluan tersebut atau yang difikirkan sesuai dan/atau bermanfaat ke atas kepentingan Syarikat." (Lihat Nota g) **(Resolusi 9)**

#### 8. RESOLUSI BIASA 3

##### CADANGAN PEMBAHARUAN MANDAT PEMEGANG SAHAM UNTUK TRANSAKSI BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN ("TBDPB") YANG BERNYURUKAN PENDAPATAN ATAU DAGANGAN ("CADANGAN PEMBAHARUAN MANDAT PEMEGANG SAHAM")

"BAHAWA dengan ini kuasa diberi selaras dengan Bab 10.09 Syarat-syarat Penyenaian Bursa Securities ("Syarat Penyenaian") untuk Syarikat, anak-anak syarikatnya atau sesiapa di kalangan mereka untuk memperbaharui mandat pemegang saham bagi TBDPB yang bernyurukan pendapatan atau dagangan bagi mana-mana syarikat yang berkaitan untuk mengadakan dan bagi memberikan efek ke atas TBDPB tersebut, di mana butiran yang berkaitan seperti yang dinyatakan di dalam Pekeliling kepada para pemegang saham bertarikh 27 April, 2009 ("Pekeliling") dengan pihak-pihak berkaitan seperti yang diterangkan di dalam Pekeliling tersebut, dengan syarat transaksi-transaksi tersebut adalah bernyuruk bisnis biasa Syarikat dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya, dibuat berdasarkan kesaksamaan dan menurut terma-terma komersial yang kebiasaannya disediakan kepada awam dan tidak merugikan pemegang saham minoriti Syarikat.

DAN BAHAWA kuasa yang diberikan ini akan berkuatkuasa dengan serta merta sehingga:

- selesai MAT Syarikat berikutnya di mana kuasa tersebut akan luput kecuali dengan resolusi yang diluluskan di dalam mesyuarat agung, kuasa tersebut akan diperbaharui; atau
- tamat tempoh di mana MAT berikutnya selepas tarikh yang disyaratkan oleh undang-undang perlu diadakan menurut Seksyen 143 (1) Akta tersebut (tetapi tidak melebihi boleh lanjutnya yang dibenarkan menurut Seksyen 143(2) Akta tersebut; atau
- dibatalkan atau diubah melalui resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung;

yang mana lebih awal.

DAN SETERUSNYA BAHAWA para Pengarah Syarikat adalah dan dengan ini diberikuasa untuk menyelesaikan dan melakukan semua tindakan dan perkara (termasuk melaksanakan semua dokumen sebagaimana yang diperlukan) sebagaimana difikirkan sesuai atau perlu untuk memberi kesan kepada Cadangan Mandat Pemegang Saham." (Lihat Nota h) **(Resolusi 10)**

#### 9. RESOLUSI BIASA 4

##### CADANGAN PEMBAHARUAN BIDANGKUASA UNTUK MEMBELI-BALIK SAHAM

"BAHAWA tertakluk kepada Akta, peruntukan oleh Tatajudd dan Tataurusan Syarikat dan Syarat Penyenaian dan lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan, Syarikat dengan ini diberikuasa untuk membeli sebarang jumlah saham biasa bernilai tara RM1.00 sesaham di dalam Syarikat ("Saham") melalui Bursa Securities berdasarkan terma-terma dan syarat-syarat yang mana para Pengarah beranggapan wajar untuk kepentingan Syarikat dengan syarat:

- Bilangan maksima bilangan Saham yang dibeli tidak melebihi sepuluh peratus (10%) dari jumlah modal diterbitkan dan berbayar Syarikat pada bila-bila masa tertakluk kepada had modal yang diterbitkan dan berbayar Syarikat adalah tidak kurang daripada keperluan minima modal Syarikat di bawah Syarat Penyenaian;
- Jumlah maksima dana yang diperuntukkan oleh Syarikat bagi tujuan pembelian Saham hendaklah tidak melebihi daripada jumlah keuntungan terkumpul dan akaun premium saham Syarikat; dan
- Selepas selesai pembelian Saham oleh Syarikat, Pengarah-pengarah adalah diberikuasa untuk menguruskan Saham yang dibeli balik dengan cara berikut:
  - batalkan Saham yang dibeli; atau
  - simpan Saham yang dibeli sebagai saham perbendaharaan dan dipegang oleh Syarikat; atau
  - simpan sebahagian Saham yang dibeli sebagai saham perbendaharaan dan sebahagian lagi dibatalkan,

dan saham perbendaharaan boleh dibahagikan sebagai dividen kepada pemegang-pemegang saham Syarikat dan/atau dijual balik di pasaran terbuka menurut undang-undang yang berkaitan dari Bursa Securities dan/atau seterusnya dibatalkan.

DAN BAHAWA kuasa yang diberikan oleh resolusi ini akan berkuatkuasa sehingga:

- Selesai MAT Syarikat berikutnya di mana kuasa tersebut akan luput kecuali dengan resolusi biasa yang diluluskan di dalam mesyuarat agung tersebut, kuasa tersebut akan diperbaharui samada bersyarat atau tanpa syarat; atau
- tamat tempoh di mana MAT berikutnya selepas tarikh yang disyaratkan oleh undang-undang akan diadakan menurut Seksyen 143 (1) Akta tersebut (tetapi lanjutannya tidak boleh dijalankan seperti yang dibenarkan menurut Seksyen 143(2) Akta tersebut; atau
- dibatalkan atau diubah melalui resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung;

yang mana lebih awal.

DAN BAHAWA para Pengarah dengan ini diberikuasa untuk melaksanakan semua tindakan-tindakan dan perkara-perkara (termasuk membuka dan mengekalkan akaun (akaun-akaun) depositari berpusat di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositari Berpusat) 1991) untuk melaksanakan, menyelesaikan dan memberi kesan penuh kepada Cadangan Pembaruan Bidangkuasa Pembelian-Balik Saham dengan kuasa penuh untuk memberi persetujuan kepada sebarang syarat-syarat, pembetulan-pembetulan, perubahan-perubahan (sekiranya ada) menurut peruntukan Akta, Tatajudd dan Tataurusan Syarikat, garis panduan yang dikeluarkan oleh Bursa Securities dan lain-lain pihak berkuasa tempatan berkaitan." (Lihat Nota i) **(Resolusi 11)**

- Untuk melaksanakan sebarang urusan dimana notis yang sewajarnya telah diberikan.

#### Dengan Perintah Lembaga, KPJ HEALTHCARE BERHAD

SALMAH BINTI HJ ABD WAHAB (LS 02140)

IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR, ACIS (MAICSA 7007381)

Setiausaha-Setiausaha

Johor Bahru

Bertarikh : 27 April 2009

#### NOTA:

- Seorang ahli yang berhak menghadiri dan mengundi dalam Mesyuarat ini berhak melantik seorang proksi untuk menghadiri bagi pihak dirinya. Seorang proksi boleh tetapi tidak semestinya seorang ahli Syarikat dan peruntukan Seksyen 149(1)(b) Akta Syarikat, 1965 tidak perlu dipatuhi.
- Instrumen pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau pemujaunya yang diberi kuasa secara bertulis atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan, di bawah meterai syarikat atau dengan lain-lain cara yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Di mana seorang Ahli Syarikat adalah seorang Wakil yang Diberikuasa seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Depositari Berpusat 1991, beliau boleh melantik sekurang-kurangnya satu (1) proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegangnya bersama saham-saham biasa Syarikat berdasarkan kredit pada Akaun Sekuriti tersebut.
- Sebarang perubahan yang dibuat kepada borang proksi hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menanda-tanganinya.
- Suratcara pelantikan proksi, bersama dengan kuasa penguam (jika ada), yang telah ditandatangani atau satu salinan yang disahkan, hendaklah didepositkan di pejabat berdaftar Syarikat di alamat: KPJ Healthcare Berhad, Tingkat 2, Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Jalan Abdullah Ibrahim, 80000 Johor Bahru, Johor sekurang-kurangnya empat puluh lapan (48) jam sebelum mesyuarat diadakan atau mesyuarat yang ditangguhkan.
- Resolusi 8 yang dicadangkan, jika diluluskan, akan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menerbitkan saham kepada anggota pekerja yang melaksanakan Skim Opsyen Saham Anggota Pekerja (ESOS) di dalam tahun tersebut. Bagi mempercepatkan proses, adalah wajar sekiranya Pengarah-Pengarah diberikuasa untuk menerbitkan saham tidak melebihi 10% daripada modal yang diterbitkan ketika itu bagi tujuan tersebut.
- Resolusi 9 sekiranya diluluskan, adalah bagi memberi kuasa kepada Syarikat untuk mengagihkan unit-unit kepada pemegang-pemegang sahamnya mengikut pegangan saham mereka di dalam KPJ pada tarikh kelayakan yang akan ditetapkan dan diumumkan kemudian.
- Resolusi 10 yang dicadangkan, sekiranya diluluskan, adalah khusus untuk memberi kuasa kepada Syarikat dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya yang tidak tersenaraikan untuk membuat penentuan-penentuan atau transaksi-transaksi dengan Pihak-pihak Berkaitan, yang mana butirannya diterangkan di dalam Seksyen 2.3 dan 2.4 di dalam Pekeliling kepada para Pemegang Saham bertarikh 27 April 2009 yang diadakan bersama-sama dengan Laporan Tahunan ini, yang diperlukan untuk operasi harian Kumpulan dan berdasarkan kepada terma-terma komersial yang lazim yang tidak lebih memihak kepada pihak-pihak berkaitan dari yang disediakan untuk pihak awam keseluruhannya.
- Resolusi 11 yang dicadangkan, jika diluluskan, adalah bagi membolehkan Syarikat menggunakan mana-mana sumber lebihan kewangannya untuk membeli saham-sahamnya dari pasaran.